


KEMATIAN ORANG ASLI KUALA KOH

Warta kuarantin elak wabak terus merebak

[FOTO IHSAN TWITTER KRM PUTRAJAYA]



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (kiri) melawat Orang Asli di Kampung Kuala Koh, Gua Musang, petang semalam.

➔ Usaha kerajaan pastikan kebajikan komuniti Orang Asli dibela

Beliau berkata, usaha kerajaan seterusnya perlu terarah kepada mekanisme jangka sederhana dan panjang bagi memastikan kebajikan komuniti Orang Asli, khususnya di Semenanjung berupaya dibela, mencakupi pelbagai aspek.

Beri perhatian 3 perkara

"Tiga perkara perlu diberi perhatian ialah penyediaan sumber asas seperti air bersih dan makanan, selain disokong perkhidmatan pendidikan serta kesihatan selepas kerajaan memperakui Orang Asli mempunyai tahap imunisasi lemah kerana tidak mendapat vaksinasi.

"Penubuhan pusat perkhidmatan setempat boleh dilaksanakan dengan syarat kerajaan menerusi agensi berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mempunyai hubungan baik dan sentiasa berkomunikasi dengan tok batin," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Ibrahim berkata, langkah intervensi kerajaan dengan menyediakan keperluan asas kepada Orang Asli adalah jalan terbaik kerana komuniti berkenaan sering bergantung kepada sumber semula jadi yang semakin tercemar aki-

bat kerakusan manusia dalam merintis pembangunan.

Katanya, vaksinasi kepada kanak-kanak Orang Asli juga mampu menangani penularan kes penyakit berjangkit yang sepatutnya tidak berlaku susulan kemajuan dalam bidang perubatan negara.

Di Gua Musang, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil menggesa penduduk Orang Asli di Kuala Koh dipindahkan kerana mendakwa kampung itu ketika ini sangat kotor dan menyedihkan, selain bergantung pada sumber air sungai dipercayai tercemar.

"Tindakan segera perlu bagi mengelak lebih banyak kematian akibat jangkitan kuman dalam paru-paru. Kita melihat ramai kanak-kanak sakit dan persekitaran tem-

pat tinggal mereka di kawasan hutan juga sungguh kotor selepas berpindah dari perkampungan Orang Asli Kuala Koh.

"Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan jabatan tertentu harus memindahkan semua penduduk kerana keadaan mereka agak teruk ketika ini, selain perlu membekalkan air bersih," katanya.

Amalan berpindah randah

Di Shah Alam, Pengerusi Koperasi Orang Asli Negeri Pahang Berhad, Datuk Nor Shabudin Monir, berkata budaya Orang Asli yang gemar berpindah randah dan meneroka kawasan baharu mendedahkan mereka kepada risiko menjadi mangsa keracunan air.

Sambil mendakwa pihaknya pernah melakukan uji kaji air di kawasan penempatan Orang Asli dan

keputusannya negatif, beliau menggesa kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau kualiti air di penempatan Orang Asli seluruh negara.

"Kadangkala tempat baharu yang diteroka mereka adalah bekas lombong bijih timah, besi dan emas, proses mencuci bahan itu perlu guna ammonia yang sifatnya tidak boleh larut dalam air. Jadi, pemantauan terhadap Orang Asli ini perlu kerana mereka masih mengamalkan cara hidup lama," katanya.

Nor Shabudin berkata, disebabkan budaya seumpama itu, Orang Asli terdedah kepada keracunan sumber air hingga menjejaskan kesihatan, malah ada Orang Asli yang mengadu mengalami keracunan, tetapi hanya berubat cara kampung.

Oleh Luqman Arif Abdul Karim, Norrasyidah Arshad dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan harusewartakan tindakan kuarantin terhadap Orang Asli di Kampung Kuala Koh di Gua Musang, Kelantan, supaya penyakit yang menyebabkan begitu banyak kematian di kawasan itu tidak merebak ke penempatan berhampiran.

Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata langkah itu penting kerana suku kaum Batek hidup secara nomad atau berpindah randah.